

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Wednesday, August 9, 2017 10:35 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: PELAJAR UUM CAS BERJAYA MENDAPAT GERAN PERNIAGAAN PROJEK TRANSFORMASI PERNIAGAAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL 2017



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

16 Zulkaedah 1438H bersamaan 9 Ogos 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PELAJAR UUM CAS BERJAYA MENDAPAT GERAN PERNIAGAAN PROJEK TRANSFORMASI PERNIAGAAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL 2017 BERJUMLAH RM35,000.

UUM ONLINE: Mohamad Hanif Ibrahim, pelajar jurusan Pengurusan Industri Kreatif dari Pusat Pengajian Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah berjaya memperoleh Geran Pinjaman Perniagaan Projek Transformasi Perniagaan Penjaja dan Peniaga Kecil 2017 dari KPDNKK berjumlah RM35,000. Beliau telah menghadiri sesi pitching pada 27-29 April 2017 di Putrajaya setelah mendapat maklumat mengenai penawaran geran tersebut daripada seorang kenalnya. Semasa sesi pitching, hanif berjaya meyakinkan lima orang ahli panel berkenaan dengan idea perniagaannya. Salah seorang ahli panel tersebut ialah Pengarah, Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil KPDNKK sendiri.



Hanif yang berasal dari Pendang, Kedah mempunyai bakat di dalam bidang industri kreatif khususnya di dalam suntingan video penulisan skrip. Selaras dengan minat tersebut, beliau telah menubuhkan syarikatnya sendiri iaitu Gaffer Creative Services (ASO378936-A) untuk menjalankan perniagaan berkaitan dengan suntingan video dan penulisan skrip. Kejayaan memperoleh geran transformasi tersebut telah memberi suntikan motivasi kepada Hanif untuk menjalankan aktiviti perniagaannya dengan lebih mudah. Sebelum ini, Hanif pernah mencapai beberapa kejayaan yang lain seperti berjaya menjual beberapa idea asal skrip drama kepada salah seorang penerbit filem di Malaysia.

Di samping itu, Hanif juga merupakan salah seorang peserta program Utara Creativepreneur Incubator (UCI) anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA CAS), Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang akan berakhir pada Oktober 2017. Menerusi program UCI, Hanif dan ahli kumpulannya telah mengembangkan bakat di dalam perniagaan industri kreatif melalui bimbingan mentor industrinya iaitu Raja Mukhriz Bin Raja Ahmad, seorang penerbit filem terkenal Malaysia.

Di harapkan, Hanif akan terus berjaya di dalam apa jua bidang yang diceburinya. Semoga kejayaan Hanif akan menjadi perangsang kepada mahasiswa UUM yang lain untuk menjadi seorang entrepreneur.

Habis

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.